

PUCUNG MERAH
Yellow Bittern

FAMILI: Motacillidae
NAMA SAINTIFIK: *Motacilla flava*



CIRI-CIRI

Secara keseluruhan, berwarna coklat kemerahan yang seragam di bahagian atas badan dan sayap menyebabkan ianya kelihatan bersaiz kecil dan kurus. Bagi individu dewasa yang matang, terdapat tompokan berwarna hitam di bahagian atas kepala, bahagian atas badan berwarna kecoklatan manakala bahagian bawah badan dan bawah sayap berwarna kuning cerah. Bagi juvenil, warna yang dominan adalah coklat gelap pada kedua-dua bahagian atas dan bawah badan.

SAIZ

Panjang keseluruhan gadi burung dewasa adalah di antara 30.0 sm-40.0 sm. Berat 50 gram.

MAKANAN

Ikan, amfibia, krustasia, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

HABITAT

Kawasan tanah lembap yang tumbuh padat dengan rumput-rumput panjang, kawasan lantai rumput-rumput panjang, kadang-kala ditemui di kawasan sawah padi hingga ke ketinggian 1,000 m dari paras laut.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi yang mengandungi siri nota **ou** yang bernada rendah bagi penandaan kawasan. Semasa terbang pula, ianya mengeluarkan bunyi **kak-kak-kak**.

TABIAT

Bersifat pemalu yang menyukarkan pemerhatian untuk dibuat semasa burung ini sedang berehat. Kebanyakan pemerhatian yang telah dibuat ke atas burung ini adalah semasa ia terbang.

PEMBIAKAN

Membiaik pada bulan Mac hingga November dengan bilangan telur antara 3-6 biji yang berwarna biru putih hingga biru kehijauan.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.